GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN IKLAN PUTRAJAYA

JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR

PERBADANAN PUTRAJAYA

BKPPP

SISTEM E-LESEN PUTRAJAYA

UNDANG UNDANG KECIL IKLAN

SIGNAGE & ADVERTISING DESIGN GUIDELINES

PERBADANAN PUTRAJAYA

KANDUNGAN

Garis Panduan Permohonan Lesen Iklan Putrajaya

1. PENGENALAN 2
2. UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN 2
3. DEFINISI IKLAN 3
4. KUASA KELULUSAN LESEN 3
5. JENIS IKLAN 3
6. PERMOHONAN LESEN IKLAN 4
7. PIHAK YANG PERLU MEMOHON LESEN IKLAN 4
8. SYARAT PERMOHONAN LESEN IKLAN 4
9. PERMOHONAN LESEN IKLAN MELALUI SISTEM E-LESEN PUTRAJAYA 5
10. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN IKLAN DI PUTRAJAYA 6
11. KADAR FI LESEN IKLAN 7
12. DEPOSIT 7
13. PINDAH MILIK LESEN 7
14. PENYELENGGARAAN IKLAN 7
15. PENURUNAN IKLAN 7
16. PEMBATALAN LESEN (UUK 14) 7
17. IKLAN YANG DIKECUALIKAN LESEN IKLAN (UUK 19) 7
18. SYARAT-SYARAT AM PEMASANGAN IKLAN 8
19. PEMBAHARUAN LESEN 9
20. PINDAAN LESEN IKLAN 10
21 IKLAN YANG DILARANG 10
22. MEMPAMERKAN IKLAN TANPA LESEN 12
23. PINDAH MILIK LESEN TANPA KEBENARAN 12
24. KETIDAKPATUHAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN 12
25. PENALTI 12

LAMPIRAN :

- SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN LESEN IKLAN 14
- JENIS-JENIS IKLAN MENGIKUT SIGNAGE AND ADVERTISEMENT, DESIGN GUIDELINE FOR PUTRAJAYA 2002 17
- JADUAL KADAR FI LESEN IKLAN 18
- TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN 22

PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemohon yang ingin memohon lesen Iklan di Putrajaya berkuatkuasa di bawah Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002

Lesen Iklan adalah suatu kelulusan yang diberikan untuk sesuatu permohonan bagi tujuan mempamerkan, mendirikan, menyebabkan sesuatu iklan dipamerkan atau mendirikan iklan.

Pengeluaran Lesen Iklan di Putrajaya merupakan satu mekanisme bagi Perbadanan Putrajaya untuk mengawal dan memantau pemasangan iklan sekitar Putrajaya.

Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar merupakan bahagian yang terlibat dalam pengurusan lesen Iklan Putrajaya manakala Bahagian Kawalan Perancangan, Jabatan Perancangan Bandar bertanggungjawab memberi ulasan mengenai rekabentuk iklan agar mematuhi SADG(Signage Advertisement Design Guidelines) Putrajaya.

2. UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

Secara amnya, berikut adalah senarai peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya , iaitu:-

2.1 Perundangan Persekutuan

i. Akta Kerajaan Tempatan 1976
ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
iii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
iv. Akta Makanan 1983
v. Akta Pengangkutan Jalan 1987
vi. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
vii. Undang- Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986
viii. Peraturan-Peraturan Makanan 1985

2.2 Perundangan PPj

i. Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536)
ii. Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (WP Putrajaya) 2016
iii. Undang-undang Kecil Pelesenan Pasar (WP Putrajaya) 2016
iv. Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WP Putrajaya) 2016
v. Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WP Putrajaya) 2016
vi. Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan (Putrajaya) 2002
vii. Signages and advertisement, design guidelines (SADG)for Putrajaya 2000
viii. Garis Panduan Permohonan dan Peraturan Premis Peniagaan Putrajaya 2019
ix. Garis Panduan Permohonan dan Peraturan Iklan Wilayah Persekutuan 2020

3. DEFINASI IKLAN

Mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan Putrajaya 2002, Iklan bermaksud :

- Sebarang bentuk pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, bagi maksud memberitahu orang ramai ;

- mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profesion, firma, pertubuhan, organisasi, institusi, tempat, premis, acara, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain ;

- di atas apa-apa dinding adang, papan, papan iklan, sepanduk, atap, dinding, pagar pancang, pagar, pokok, rangka, plet, kain, jeruji, tiang, dawai, bingkai, kenderaan, papan elektronik, hologram, menara setiang atau dengan menggunakan cahaya laser atau apa-apa struktur atau rekaan lain atau mana-mana bahagian daripada struktur atau rekaan lain itu, di atas, di dalam atau mana-mana bangunan, jalan, tempat peranginan awam atau mana-mana tanah dan termasuklah tanda langit

4. KUASA KELULUSAN LESEN

Kuasa kelulusan lesen Iklan di Putrajaya terletak kepada Perbadanan Putrajaya. Perbadanan Putrajaya mewakilkan kuasanya kepada Presiden Perbadanan Putrajaya dibawah Undang-undang kecil Iklan (WP Putrajaya) 2002.

5. JENIS IKLAN

Mengikut Undang-undang Kecil Pelesenan Iklan Putrajaya 2002, Iklan boleh dikategorikan kepada jenis yang berikut :

1.	Iklan Kekal	Permohonan iklan dalam tempoh jangka masa panjang dengan tempoh minimum satu (1) tahun. Contoh termasuklah iklan mendatar, menegak, tugu peringatan, ikon, pintu masuk, corak lantai dan harta tanah(keluasan iklan melebihi 0.3M2)
2.	Iklan Sementara	permohonan iklan dalam tempoh jangka masa pendek dengan tempoh maksimum tiga (3) bulan. Ia termasuklah sepanduk, tanda, panji-panji, iklan perayaan, iklan boleh kembung dan iklan promosi. Bayaran Fi Iklan dibayar secara bulanan.
3.	Iklan Komersil	semua iklan persendirian yang ditempatkan dibangunan komersial (kelas Kegunaan IV), bangunan industry perkhidmatan (Kelas Kegunaan VI) dan bangunan awam yang ditetapkan (Kelas Kegunaan VI) yang termasuklah terminal pengangkutan awam, stesen Transit Aliran Ringan dan tempat teduhan bas.
4.	Iklan Bukan Komersil	iklan yang ditempatkan di atas bangunan persendirian atau dalam garis harta organisasi bukan kerajaan, persatuan, pertubuhan dan lain-lain.

6. PERMOHONAN LESEN IKLAN

i) Pemohon hendaklah memohon kepada Perbadanan Putrajaya bagi sebarang permohonan Lesen Iklan di Putrajaya.
ii) Permohonan sesuatu Lesen Iklan Boleh Berbentuk Kekal dan Sementara.
iii) Permohonan Lesen di Putrajaya hendaklah melalui Sistem E-Lesen Perbadanan Putrajaya
iv) Mematuhi syarat atau peraturan yang ditetapkan

7. PIHAK YANG PERLU MEMOHON LESEN IKLAN

i) Pemunya atau penghuni mana-mana tanah, bangunan atau mana-mana struktur bagi sesuatu lokasi iklan akan dipamerkan

ii) Mana-mana firma, pertubuhan, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi yang didaftarkan mengikut Akta Perdaftaran Perniagaan 1956 (Akta 179), Akta Syarikat 1965 (Akta 125), Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) atau Akta Koperasi 1993 (Akta 502)

8. SYARAT PERMOHONAN LESEN IKLAN

Sesuatu permohonan lesen Iklan perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang berikut :

Bil	PERKARA	Iklan Kekal	Iklan Sementara
1.	Salinan kad pengenalan (depan dan belakang) pemohon (pemilik syarikat).	ya	ya
2.	Salinan pendaftaran syarikat (ROC) ATAU peniagaan (ROB) ATAU pertubuhan (Borang 9 dan Borang 49 atau Borang D) beserta maklumat perniagaan dan pemilik	ya	ya
3.	Spesifikasi saiz papan tanda berdasarkan Signage And Advertisement Design Guidelines (SADG)for Putrajaya (pelan induk Perbadanan Putrajaya)	ya	ya
4.	Cadangan visual iklan BERWARNA menunjukkan dimensi/ saiz dalam ukuran meter.	ya	ya
5.	Cadangan posisi pemasangan iklan BERWARNA (superimpose).	ya	ya
6.	Pengesahan Ejaan Penggunaan Bahasa pada visual iklan oleh Dewan Bahasa Pustaka (DBP).	ya	ya
7.	Pendaftaran di https://dbpsahbahasa.my/ atau di Kaunter Perkhidmatan, Menara DBP, Kuala Lumpur.	ya	tidak
8	Salinan sijil pendaftaran harta intelek (trademark) atau surat francais atau surat kebenaran bagi penggunaan NAMA/ LOGO/TAGLINE kerana penggunaan NAMA/ LOGO/ TAGLINE ini adalah berbeza dengan nama	tidak	ya

9. PERMOHONAN LESEN IKLAN MELALUI SISTEM E-LESEN PUTRAJAYA

DAFTAR PENGGUNA DI LAMAN WEB https://elesen.ppj.gov.

MASUKKAN LOG ID & KATA LALUAN YANG TELAH DI DAFTARKAN



ISIKAN PERMOHONANAN LESEN IKLAN KEKAL ATAUPUN LESEN IKLAN SEMENTARA

MAKLUMAN KELULUSAN SECARA ATAS TALIAN

PEMBAYARAN LESEN ATAS TALIAN

CETAK DAN SEMAK BUTIRAN LESEN

PAMERKAN LESEN DI PREMIS

SEMAK TARIKH TAMAT LESEN BAGI MENGELAKKAN TINDAKAN

Sila Hubungi Unit Pelesenan Iklan Bagi Mendapatkan Spesifikasi Saiz Papan Tanda Yang Dibenarkan;

03-8887 7251
03-8887 7265
03-8887 7231
03-8887 7657 samb. 8077

https://elesen.ppj.gov.my

10. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN IKLAN DI PUTRAJAYA



11. KADAR FI LESEN IKLAN

Rujuk Jadual Fi Iklan di mukasurat 18-21

12. DEPOSIT

Deposit hendaklah dibayar sebagaimana yang ditetapkan oleh PPj

13. PINDAH MILIK LESEN

Dengan kebenaran (Permohonan)

14. PENYELENGGARAAN IKLAN

i) Semua iklan hendaklah diselenggara supaya berkeadaan baik ,bersih setiap dan memuaskan setiap masa.
ii) PPj boleh memperintahkan (dengan notis) iklan yang dipamerkan dicat semula, diganti atau dibersihkan ikut tempoh dlm notis
iii) Jika iklan dipamerkan itu mengelirukan, maka PPj boleh mengarahkan, dengan notis supaya iklan diubah suai.

15. PENURUNAN IKLAN

i) Iklan boleh diturunkan terus atau dihapuskan jika:
   a) Buruk
   b) Lain daripada kelulusan PPj
   c) Melanggar Undang-undang kecil
ii) PPj, boleh, bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan tempat atau struktur, menurunkan iklan dan kerja dilakukan
iii) PPj tidak bertanggunjawap atas apa-apa kerosakan oleh PPj atau pekhidmatnya
iv) PPj boleh memasuki premis dan menurunkan iklan jika arahan penurunan dan pelupusan tidak dipatuhi.

16. PEMBATALAN LESEN (UUK 14)

i) Perbadanan boleh membatalkan lesen tanpa sebab dan pada bila-bila masa
ii) Iklan kena diturunkan dalam tempoh 14 hari selepas Tarikh batal
iii) Tiada pampasan
iv) Fi boleh dimohon dibayar balik kepada Perbadanan bila lesen dibatal dengan kiraan secara pro rata bagi tempoh lesen belum tamat.

17. IKLAN YANG DIKECUALIKAN LESEN IKLAN (UUK 9)

i) Nombor jalan;
ii) Plat nama pada rumah yang menunjukkan nama dan/ atau alamat penghuni;
iii) Iklan yang menunjukkan bahan-bahan berbahaya, samada mengandungi maklumat berkenaan atau tidak;
iv) Iklan yang memberi arahan bagaimana untuk masuk atau keluar daripada sesebuah harta, penggunaan peralatan atau maklumat berhubung dengan keselamatan dan saiz iklan hendaklah munasabah untuk menyampaikan maklumat kepada awam;

v) Apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh dikeluarkan oleh PPj, mahkamah, badan awam atau pegawai awam dalam menjalankan tugas rasminya;
vi) Bendera rasmi Malaysia atau mana-mana negeri-negeri di Malaysia, PPj dan negara asing;
vii) Bendera rasmi mana-mana firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau apa-apa organisasi lain yang didaftarkan oleh Akta Perdaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 yang dinaikkan di atas harta organisasi yang tersebut;
viii) Iklan Masyarakat sosial
ix) Apa-apa iklan lain yang ditentukan oleh PPj dari semasa ke semasa

18. SYARAT-SYARAT AM PEMASANGAN IKLAN

i) Iklan hendaklah dipasang di tempat-tempat yang diluluskan sahaja dan jumlah iklan yang hendak dipamerkan mestilah mengikut bilangan yang diluluskan sahaja.

ii) Contoh-contoh iklan hendaklah memberi keutamaan kepada penggunaan Bahasa Kebangsaan. Nama perniagaan seperti didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, jenama, logo, trade mark, nama francais, dan bahasa-bahasa lain boleh digunakan tertakluk kepada Garispanduan Papan Iklan Premis Perniagaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

iii) Pemohon hendaklah mencatatkan nombor rujukan lesen Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya iaitu LPSXXXXXXX atau LPKXXXXXXX di atas papan iklan pada penjuru bawah kiri atau kanan iklan dengan ketinggian huruf 50mm.

iv) Semua bayaran lesen iklan hendaklah dijelaskan sebelum papan iklan dinaikkan dan kelulusan Lesen Iklan akan dianggap luput dan terbatal sekiranya tiada bayaran dibuat dalam tempoh 6 bulan.

v) Kelulusan ini adalah terpakai selama tempoh satu (1) tahun dari tarikh surat ini dikeluarkan dan pihak pemohon perlu memperbaharui lesen iklan ini dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh sah laku lesen ini berakhir.

vi) Kelulusan boleh diberikan sehingga tiga (3) tahun mengikut kehendak pemohon.

vii) Perbadanan Putrajaya berhak membatalkan lesen iklan / menurunkan papan iklan atau mengenakan tindakan undang-undang sekiranya terdapat pemohon yang melanggar syarat-syarat seperti berikut;
   a. Mempamerkan papan iklan yang tidak serupa dengan contoh visual yang diluluskan.
   b. Mempamerkan papan iklan yang lesennya telah tamat tempoh.
   c. Mempamerkan papan iklan yang melebihi jumlah yang diluluskan.
   d. Mempamerkan papan iklan terlebih dahulu tanpa mendapat lesennya
   e. Mempamerkan papan iklan di bangunan, premis atau tempat-tempat yang tidak diluluskan.

viii) Sebarang tuntutan/ pampasan tidak akan dibayar kepada pemohon atas pembatalan lesen atau penurunan papan iklan tersebut.

ix) Perbadanan Putrajaya berhak menuntut kos perkhidmatan dan penurunan ke atas pemohon yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.

x) Perbadanan Putrajaya berhak untuk mengeluarkan notis bertulis kepada pemohon sekiranya diperlukan untuk menggantikan, memperbaiki, mengecat dan membersihkan papan iklan berkaitan bagi tujuan penyenggaraan atau untuk kepentingan awam dalam tempoh yang dinyatakan di dalam notis tersebut.

xi) Bagi pemasangan papan iklan kekal jenis berlampu (illuminated sign) yang dipasang pada fasad bangunan, pemohon hendaklah menggunakan PVC bagi melindungi wayar elektrik yang disambung pada papan iklan, kedudukan PVC tersebut perlulah berada dalam keadaan 0 darjah atau 90 darjah dan PVC tersebut perlu dicat semula mengikut warna permukaan dinding.

xii) Papan iklan bercahaya perlu dinyalakan dengan lampu '3 Amp' atau mana-mana lampu yang setaraf dengannya.

xiii) Pemasangan "arm spotlight" pada papan tanda iklan di premis perniagaan adalah tidak dibenarkan.

xiv) Perbadanan Putrajaya berhak mengarahkan supaya papan iklan kekal ini diturunkan atau diubah lokasi/kedudukan pada bila-bila masa dalam tempoh kelulusan bagi maksud-maksud tertentu.

xv) Pemohon juga dikehendaki mempamerkan sijil lesen iklan ini di premis perniagaan bagi tujuan pemantauan oleh pihak Perbadanan dari masa ke semasa.

xvi) Semua kelulusan lesen dan pemasangan papan iklan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002.

19. PEMBAHARUAN LESEN

i) Sahlaku Lesen Iklan adalah hanya untuk tahun semasa iaitu pada 30 Jun dan 31 Disember setiap tahun (mengikut zon yang telah ditetapkan)

ZON	PRESINT	TAMAT LESEN
A	1,12,13,14,15,16,17,18,19 & 20	30 JUN
B	11,10,9,8,7,2,3,4,5 & 6	31 DISEMBER

ii) Pemegang lesen dipertanggungjawabkan untuk membuat pembaharuan lesen dalam tempoh 2 bulan sebelum tarikh tamat tempoh selagi mana pemegang lesen masih menjalankan perniagaan berkenaan.

iii) Pembaharuan boleh dibuat secara atas talian (online) di https://elesen.ppj.gov.my. Pemegang lesen yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan penguakuasaan mengikut peruntukan perundangan PPj yang berkaitan.

iv) Pemegang lesen hendaklah membuat permohonan baharu sekiranya terdapat perubahan atau berbeza butiran pada pembaharuan iklan dengan permohonan asal.

20. PINDAAN LESEN IKLAN

i) Pemegang lesen hendaklah membuat permohonan jika terdapat pindaan butiran berkaitan permohonan lesen seperti perubahan maklumat/aktiviti perniagaan.
ii) Boleh mengemukakan permohonan pindaan secara bertulis dan menghantar permohonan tersebut melalui emel berikut el1p@ppj.gov.my
iii) Pemegang lesen yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan perundangan PPj yang berkaitan.

21. IKLAN YANG DILARANG

1



Iklan yang menyebabkan bahaya kepada laluan trafik seperti mengguna lampu yang bercahaya atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau boleh berubah-ubah

2



Iklan berada di laluan awam atau dipasang pada harta awam

3



Iklan yang beranimasi, bergerak, berayun, berputar, bercahaya, berkelip, bersinar, berubah dan/atau mengandungi sinaran imej yang berubah termasuklah lampu limpah, cahaya lampu pendaflour atau laser

4

Iklan yang tiada kaitan dengan premis

5

Iklan yang ditempatkan di atas atau merupakan sebahagian daripada atap atau cucur atap sesuatu bangunan melainkan jikan iklan itu tidak melebihi garis atap,

6

Iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup rakyat Malaysia

7

Iklan Politik

8

Apa-apa iklan yang difikirkan patut dilarang oleh PPj daripada didirikan atau dipamerkan di Putrajaya dari semasa ke semasa.

Iklan yang mempunyai lapang mendatar

22. MEMPAMERKAN IKLAN TANPA LESEN

Mana-mana Iklan yang telah dipamerkan tanpa lesen boleh dikenakan :

- fi bersamaan dengan empat kali ganda lesen tahunan bagi iklan itu hendaklah dibayar.

23. PINDAH MILIK LESEN TANPA KEBENARAN

Seseorang pemegang lesen tidak boleh memindahkan lesennya kepada mana-mana orang kecuali dengan kelulusan PPj terlebih dahulu.

24. KETIDAKPATUHAN PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN

PPj boleh mengarahkan pemegang lesen meminda iklan yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan betul bagi memperbetulkan kesilapan sebagaimana yang diminta oleh PPj

25. PENALTI

i) Mana-mana orang melanggar peruntukan Undqng-undang Iklan (WP Putrajaya) jika disabitkan boleh dikenakan:

a. Denda tidak Lebih RM2,000 atau
b. Penjara tidak lebih satu (1) tahun atau
c. Kedua-duanya sekali

ii) Jika kesalahan berterusan, denda tidak lebih RM200 boleh dikenakan bagi tiap-tiap hari kesalahan selepas disabitkan

LAMPIRAN

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN LESEN IKLAN

BIL	PERKARA	CONTOH DOKUMEN
1	**SALINAN PENDAFTARAN SYARIKAT (ROC) ATAU PERNIAGAAN (ROB) ATAU PERTUBUHAN** Telah mempunyai lesen perniagaan premis atau dimohon secara komposit (Lesen perniagaan dan papan tanda iklan) **Pendaftaran SSM lesen perniagaan dan lesen iklan mestilah sama.	
2	Satu (1) salinan pendaftaran syarikat (ROC) / perniagaan (ROB)/ pertubuhan (Borang 9 dan Borang 49 atau Borang D **beserta maklumat perniagaan dan pemilik**) ATAU Sijil Pendaftaran Pertubuhan / Persatuan / Kelab / Badan Profesional	
3	**SALINAN KAD PENGENALAN PEMOHON ATAU PASPORT** Satu (1) salinan kad pengenalan (depan dan belakang) ATAU pasport pemilik syarikat.	
4	**CADANGAN VISUAL PAPAN IKLAN (NYATAKAN UKURAN PANJANG DAN TINGGI DALAM METER)** Cadangan lakaran visual iklan (berwarna) yang menunjukkan dimensi/ saiz papan tanda iklan dalam ukuran meter. Sila rujuk Unit Pelesenan Iklan bagi mendapatkan spesifikasi saiz yang dibenarkan berdasarkan pelan induk dari Perbadanan Putrajaya.	

BIL	PERKARA	CONTOH DOKUMEN
5	**SUPERIMPOSE CADANGAN IKLAN (SERTAKAN GAMBAR SERTA LOKASI PEMASANGAN IKLAN TERSEBUT)** Gambar posisi pemasangan papan tanda iklan berwarna (superimpose)	*SUPERIMPOSE* CADANGAN IKLAN (SERTAKAN GAMBAR SERTA LOKASI PEMASANGAN IKLAN TERSEBUT) 
6	**CADANGAN KAEDAH PENCAHAYAAN** Cadangan lakaran visual kaedah pencahayaan papan tanda iklan sekiranya papan tanda iklan yang dimohon jenis bercahaya.	KAEDAH PENGCAHAYAAN (BAGI PAPAN IKLAN BERCAHAYA SAHAJA) CONTOH 1 KAEDAH PENGCAHAYAAN (BAGI PAPAN IKLAN BERCAHAYA SAHAJA) CONTOH 2  PENCAHAYAAN

BIL	PERKARA	CONTOH DOKUMEN
7	**PENGESAHAN EJAAN OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA** Pengesahan Ejaan Penggunaan Bahasa pada visual iklan oleh Dewan Bahasa Pustaka (DBP). Boleh secara : 1. Secara Online 2. Permohonan di kaunter Dewan Bahasa & Pustaka di alamat ; Kaunter Pengesahan Bahasa Aras Bawah, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460, Kuala Lumpur **No. Telefon :** 03-2147 9100/ 9200/9300 **Waktu Perkhidmatan Kaunter:** Isnin- Khamis 8.30 pagi - 4.30 petang Jumaat 8.30 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 4.30 petang	
8	**PENDAFTARAN (CAP DAGANGAN) DENGAN PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA BAGI NAMA, LOGO DAN TAGLINE** Salinan sijil pendaftaran harta intelek (trademark) ATAU surat francais ATAU surat kebenaran bagi setiap penggunaan NAMA/ LOGO/ TAGLINE sekiranya NAMA/ LOGO/ TAGLINE yang ingin dipaparkan pada papan tanda iklan adalah adalah berbeza dengan nama syarikat yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.	

JENIS-JENIS IKLAN MENGIKUT SIGNAGES AND ADVERTISEMENT, DESIGN GUIDELINES FOR PUTRAJAYA 2002



STREET LEVEL SIGNAGE (PERMANENT)	
A	Ground-mounted Indentification Sign
B	Wing Wall Sign
C	Gateway Sign
D	Tennant Directory sign
E	Advertising Sign
F	Pole-mounted advertising billboard

PROHIBITED SIGNAGE	
AA	Roof Sign
BB	Column Sign
CC	Signage on undesignated street furniture and public property

TEMPORARY SIGNAGE	
Q	A-Frame
R	Carousel
S	Street Lighting Banner
T	Hoarding Sign
U	Umbrella Sign
V	Infalatable Sign (balloon, blimp, etc)
W	Bunting
Y	Wall pennant and banner

BUILDING LEVEL SIGNAGE (PERMANENT)	
G	Flush wall sign
H	Street varendah fascia sign (partica, verandah, awning, canopy,etc)
I	Transom sign
J	Window sign
K	Roller Shutter Sign
L	Hanging sign
M	Projecting sign
N	Permanent advertising wall panel
O	Illuminated electronic digital video sign
P	Skyline sign

KADAR FI LESEN IKLAN

FI LESEN (UUK IKLAN WP PUTRAJAYA, JADUAL I)

BIL	JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA BAYAR (RM)			
			Kadar Komersil (1)		Kadar Bukan Komersil (2)	
			Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya	Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya
1	Iklan pengenalan yang dipasang di atas tanah, panduan penghuni, maklumat tentang promosi pengiklanan atau tajaan dan termasuk iklan mendatar, menegak, tugu peringatan, ikon, pintu masuk, corak lantai dan harta tanah(keluasan iklan melebihi 0.3M2)	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	200.00	150.00	150.00	100.00
		bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	50.00	40.00	40.00	25.00
2	Iklan pengenalan yang dipasang pada dinding, maklumat tentang pengiklanan, promosi atau tajaan dan termasuklah tanda dinding rata, iklan kaki lima fasia, iklan garis langit, panel dinding kekal, dinding mural dan grafik "super", iklan penggulung bidai atau tingkap (iklan tingkap-keluasan iklan yang melebihi 0.13 M2.)	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	200.00	150.00	150.00	100.00
		bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	50.00	40.00	40.00	25.00
3	Struktur dan panel pameran pengiklanan yang dipasangkan di atas tanah, pada dinding dan/atau tiang yang bebas sokongan yang termasuk: **a.** menara setiang dan papan iklan di atas sokongan yang banyak	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	1000.00	500.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai
		bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	250.00	150.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai

FI LESEN (UUK IKLAN WP PUTRAJAYA, JADUAL I)

BIL	JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA BAYAR (RM)			
			Kadar Komersil (1)		Kadar Bukan Komersil (2)	
			Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya	Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya
	b. termasuk poster pada teduhan bas, poster satu permukaan atau dwi-permukaan	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	500.00	250.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai
		bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	125.00	75.00	Tidak terpakai	Tidak terpakai

BIL	JENIS	KELUASAN	FI KENA BAYAR(RM)
4	Iklan video digital elektronik bercahaya dengan mesej boleh berubah-ubah yang dipasangkan di atas tanah pada dinding dan/ atau tiang yang bebas okongan yang dan termasuklah: **a)** iklan beranimasi atau bergerak yang terdiri daripada cahaya yang bergerak, berayun, berputar, bercahaya, berkelip, bersinar, berubah atau beranimasi	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	2000.00
	b) Penggunaan cahaya sinaran atau lampu cari cahaya optik gentian atau laser **c)** Pengawalan imej secara elektronik menggunakan matriks lampu pijar, katod sejuk yang dikawal oleh komputer, diod yang memancarkan cahaya (LED), pameran cecair hablur (LCD) sistem mesej "flip-flap", sistem televisyen, sistem VMS dan mana-mana sistem serupa yang lain	bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	500.00

FI LESEN JANGKA PENDEK (UUK IKLAN WP PUTRAJAYA, JADUAL II)

BIL	JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA BAYAR (RM)			
			TIDAK LEBIH 7 HARI	TIDAK LEBIH 30 HARI	TIDAK LEBIH 60 HARI	TIDAK LEBIH 90 HARI
1	Iklan yang dipasangkan di atas tiang atau digantung (atas sepanduk atau panji-panji	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	20.00	50.00	100.00	200.00
2	Iklan yang dipasangkan pada dinding atau digantung (atas sepanduk atau panji-panji	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripadanya	20.00	50.00	100.00	200.00
3	Iklan boleh kembung (termasuk belon dan blim)	Tidak terpakai	100.00 (kadar sama rata per unit)	250.00 (kadar sama rata per unit)	500.00 (kadar sama rata per unit)	750.00 (kadar sama rata per unit)
4	Iklan raya	Bagi setiap unit meter panjang	10.00	20.00	30.00	40.00

FI LESEN JANGKA PENDEK (UUK IKLAN WP PUTRAJAYA, JADUAL II)

BIL	JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA BAYAR (RM)			
			Kadar Komersil (1)		Kadar Bukan Komersil (2)	
			Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya	Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya
5	Struktur pameran yang mudah alih dan boleh gerak (termasuk iklan rangka A-, iklan kereta tolak, payung, karusel dan kotak kabinet bercahaya)	Tidak terpakai	50.00 (kadar sama rata per unit)	100.00 (kadar sama rata per unit)	150.00 (kadar sama rata per unit)	200.00 (kadar sama rata per unit)
6	Iklan dinding adang (mesej atau pameran komersial diatas binaan dinding adang	Tidak terpakai	100.00 (kadar sama rata per unit)	250.00 (kadar sama rata per unit)	500.00 (kadar sama rata per unit)	750.00 (kadar sama rata per unit)

FI LESEN JANGKA PENDEK (UUK IKLAN WP PUTRAJAYA, JADUAL II)

BIL	JENIS IKLAN	KELUASAN	FI KENA BAYAR (RM)			
			Kadar Komersil (1)		Kadar Bukan Komersil (2)	
			Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya	Iklan bercahaya	Iklan tidak bercahaya
7	Iklan tunjuk arah (bagi rumah contoh, model rumah, tapak projek, pembukaan rasmi peristiwa komersial, acara pembangunan atau jualan)	Tidak terpakai	100.00 (kadar sama rata per unit)	250.00 (kadar sama rata per unit)	500.00 (kadar sama rata per unit)	750.00 (kadar sama rata per unit)

BIL	JENIS	KELUASAN	FI KENA BAYAR(RM)
8	Mesej tajaan promosi dn pengiklanan elekronik boleh berubah-ubah yang dimasukkan ke dalam pameran digital elektronik rasmi, bandaraya atau awam (3)	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripada hasil keseluruhah yang diskrinkan	500.00(3)
		bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripada hasil keseluruhah yang diskrinkan	250.00(3)
9	Mesej tajaan promosi dn pengiklanan elekronik yang dimasuk ke dalam sepanduk atau panji-panji rasmi atau awam (4)	bagi setiap Meter persegi, atau sebahagian daripada hasil keseluruhah yang diskrinkan	100.00(4)
		bagi tambahan setiap Meter persegi, atau sebahagian daripada hasil keseluruhah yang diskrinkan	500.00(4)

Catatan

TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

1.1.1 PENDAFTARAN PENGGUNA (PEMOHON LESEN)

1 **Pada browser, http://elesen.ppj.gov.my dan tekan "enter"**
Sistem memaparkan skrin log masuk



2 **Klik link "Daftar Baru"**
Skrin "Pendaftaran Pengguna Baru" dipaparkan



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

3 Masukkan Nama Pengguna, Emel dan No Pengenalan dan klik butang Daftar

4 Lihat emel

TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

5 Klik pautan Pengesahan Emel Pendaftaran Pengguna.



Sila Klik Pautan Dibawah Bagi Mengesahkan Emel Anda.
Pengesahan Emel Pendaftaran Pengguna »

6 Lihat emel untuk pendaftaran berjaya



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

1.1.2 MENUKAR KATA LALUAN

1 **Pada browser, http://elesen.ppj.gov.my/ dan tekan "enter"**
Sistem memaparkan skrin log masuk



2 **Log masuk sistem menggunakan Id dan Kata Laluan yang telah diberikan melalui emel. Klik Daftar masuk**



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

3 Klik Profil

4 Klik Kemaskini Kata Laluan



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

5 Masukkan Kata Laluan dan klik butang Simpan



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

1.1.3 Menukar kata laluan (Lupa kata laluan)

1 Pada browser, http://elesen.ppj.gov.my/ dan tekan "enter"

2 Klik link Lupa Kata Laluan





TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

3 Masukkan Emel yang pernah didaftarkan dan klik butang 'Tukar Kata Laluan'





4 Lihat emel untuk menukar kata laluan



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

4 Klik butang "Reset Your Password "



5 Masukkan Password dan Confirm Password.





TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

1.1.4 PENDAFTARAN MAKLUMAT PERNIAGAAN

1 Pada browser, **http://elesen.ppj.gov.my/** dan tekan "enter"



2 Masukkan Id Pengguna / Emel dan Kata Laluan. Klik butang 'Daftar Masuk'



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

3 Untuk mengisi maklumat perniagaan, klik tab 1. Masukan Maklumat Perniagaan

4 Masukkan maklumat perniagaan dan klik butang "Simpan"





TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

5 Untuk menambah maklumat perniagaan, klik butang + Baharu Masukkan maklumat perniagaan dan klik butang "Simpan"





6 Untuk carian, taip Nama Pemohon, No. Pengenalan /Paspot, Nama Syarikat, dan No. Pendaftaran Syarikat dan klik butang Carian atau tekan "enter"



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

1.1.5 KEMAS KINI MAKLUMAT PERNIAGAAN

1 Pada browser, http://elesen.ppj.gov.my/ dan tekan "enter"



2 Masukkan Id Pengguna / Emel dan Kata Laluan. Klik butang 'Daftar Masuk'



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

3 Klik menu utama "Perniagaan" — "Maklumat Perniagaan"

4 Klik pada kolum "Tindakan"



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

5 Kemaskini maklumat yang diingini dan klik butang **Simpan**





TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

1.1.6 MAKLUMAT PREMIS PERNIAGAAN

1 Pada browser, http://elesen.ppj.gov.my/ dan tekan "enter"



2 Masukkan Id Pengguna / Emel dan Kata Laluan. Klik butang 'Daftar Masuk'



TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

3 Untuk mendaftar premis, klik tab 2. Masukan Lokasi Perniagaan



4 Masukkan maklumat premis dan klik butang "Seterusnya"



5 Pilih premis dan klik pada Tindakan ✔ "Tindakan"


Sila Pilih Premis

#	Presint	Nama Jalan	Nama Kompleks	Tingkat	Nombor Premis	Tindakan
1	PRESINT 1	PERSIARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	KOMPLEKS E			✔
2	PRESINT 1	PERSIARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	KOMPLEKS E			✔
3	PRESINT 1	PERSIARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	KOMPLEKS C			✔
4	PRESINT 1	PERSIARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	KOMPLEKS E	1	12	✔

TATACARA PERMOHONAN LESEN MELALUI SISTEM E-LESEN

6 Masukkan maklumat premis dan klik butang "Seterusnya"



7 Pilih lot dan klik butang "Simpan"







Bahagian Komersial,
Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan
Jabatan Perkhidmatan Bandar
Kompleks Perbadanan Putrajaya
24, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03 8887 7231
Faks : 03 8881 1008

perbadananputrajaya
putrajayacorp
perbadananputrajaya
perbadananputrajaya

www.ppj.gov.my